



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PELAKSANAAN KAJIAN DAN PENGUMPULAN DATA KAJI SELIDIK INDEKS GAJI KEBANGSAAN (NWI) SUKU TAHUNAN 2017

Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan kerjasama Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (**ILMIA**) pada tahun 2016 telah memulakan projek pembangunan **Indeks Gaji Kebangsaan (NWI)**, iaitu satu inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Indeks Gaji Kebangsaan (NWI) ini mengukur perubahan gaji dan upah dalam pasaran buruh Malaysia. Ia menggunakan konsep yang sama dengan indeks harga pengguna (CPI) yang mengukur harga barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi negara.

Berikutan kejayaan pelancaran Kaji Selidik NWI pada tahun 2016, **KSM ingin memohon kerjasama sektor swasta dan awam untuk menyertai Kaji Selidik NWI Suku Tahunan 2017** yang akan bermula pada September 2017. Matlamat projek NWI adalah untuk menjana dan menyediakan maklumat kukuh berkenaan pergerakan gaji dan upah serta pekerjaan untuk perancangan perniagaan dan ekonomi, selaras dengan hasrat Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Antara kegunaan utama NWI adalah:

- panduan bagi merangka struktur gaji, tahap gaji bagi pekerjaan tertentu dan pelarasan gaji serta sebagai input kepada dasar-dasar sumber manusia negara;
- sebagai penanda aras bagi nilai pasaran gaji dan upah serta trend kenaikan gaji sepanjang kerjaya untuk pekerja; dan
- pemantauan perubahan gaji dalam ekonomi, di mana sebagai input untuk penetapan gaji dan semakan penetapan gaji minimum .

Kaji selidik NWI yang dijalankan setiap suku tahunan akan mengumpul maklumat gaji dan upah daripada panel syarikat dan pekerja sepenuh masa, dan memantau perubahannya dari semasa ke semasa. Kira-kira 3,000 syarikat sektor swasta telah dipilih secara rawak daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kaji selidik ini meliputi semua sektor ekonomi iaitu daripada sektor perladangan, perlombongan dan pengkuarian, pembinaan, pembuatan dan juga perkhidmatan; serta merangkumi semua peringkat penjawatan dengan fokus kepada 169 jenis pekerjaan terpilih di Malaysia yang bakal membentuk indeks mewakili pekerjaan-pekerjaan utama di Malaysia.

Kaji Selidik NWI Suku Tahunan 2017 adalah bagi bulan Mac, Jun, September dan Disember 2017. Penemuduga yang dilantik oleh KSM akan menghubungi majikan yang terpilih untuk mengumpul maklumat mengenai gaji dan upah pekerja sepenuh masa.

Majikan boleh melengkapkan kaji selidik secara atas talian (online), melalui temu bual telefon atau temu bual bersemuka. Semua majikan terpilih termasuk GLC perlu memberi kerjasama untuk menyediakan data gaji dan upah seperti yang dikehendaki borang kaji selidik.

Semua data yang dikumpul untuk kaji selidik NWI ini hanya akan digunakan untuk tujuan **statistik** mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Maklumat Pekerjaan 1953 dan **data yang dikutip adalah sulit dan dihadkan untuk kegunaan rasmi sahaja**. Majikan yang gagal memberikan kerjasama boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Maklumat mengenai kaji selidik NWI boleh dilayari di wageindex.mohr.gov.my. Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan, sila hubungi Pejabat Kaji Selidik NWI di talian 03-7803 6066 atau melalui emel: mywageindex@mohr.gov.my atau mywageindexmohr@gmail.com atau hubungi mana-mana pegawai berikut:

- (i) En. Baharuddin bin Mamat, telefon: 03-8318 2407,
emel: baharuddin@mohr.gov.my
- (ii) Dr. Sivanes Pari a/p Ramiah, telefon: 03-8318 2429,
emel: sivanes.r@mohr.gov.my

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
3 Oktober 2017**

